

sahaja buruh hilang kesenangan tetapi buruh akan hilang sara hidupnya.

Kerana itu kita menyeru kepada kerajaan sekarang, supaya sama-sama diberi layanan kerana kalau perkara kesenangan buruh sahaja diberi sukar orang akan dapat mengekalkan perusahaannya bahkan ini akan menjauhkan modal-modal asing masuk ke mari. Kerajaan mesti ingat kedudukan keselamatan ekonomi Singapura adalah bergantung kepada kerjasama yang rapat di antara majikan dengan buruhnya – dan kerana itu carilah jalan supaya perasaan bersefahaman di antara buruh dengan majikan diikat – tidak seperti sekarang kebanyakannya seperti sekandang tidak sebau. Perbaikilah roda kanan dan roda kiri bersama – dengan itu sahaja Singapura akan dapat diselamatkan di dalam menuju kemakmurannya.

#### **Apa Akan Jadi di Pantai Timur?**

Dalam masa kempen pilihanraya yang lalu, Dato` Abdul Razak bin Hussein Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, telah menyatakan yang tujuannya ialah kerana penduduk Pantai Timur (Kelantan dan Terengganu) telah mengundi PAS dan di sana telah berdiri kerajaan (negeri) PAS maka kerajaan Persekutuan, jika dikuasai oleh Perikatan akan mengecilkan pembahagian-pembahagiannya terhadap kepada kedua-dua negara itu. Dr. Ismail juga sebelum itu telah membayangkan keadaan-keadaan yang harus akan diterima oleh kedua-dua negeri itu kelak kerana mereka tidak mau memilih Perikatan.

Kemungkinan ini sebenar-benarnya telah kita bayangkan di dalam rencana kita yang lalu di dalam mana, jika PAS tidak berjaga-jaga harus Perikatan akan menghukum kedua-dua negara itu dengan mengurangkan peruntukan-peruntukan yang diberi kepadanya bahkan harus akan menarik peruntukan-peruntukan yang telah pun diberikan kepada mereka yang belum lagi dapat dilaksanakan oleh mereka.

Dengan adanya kemenangan UMNO dalam pilihanraya parlimen baharu-baharu ini dengan 73 lawan 30 suara yang bermakna bahawa Perikatan berkuasa penuh maka timbullah pertanyaan apakah ucapan yang diucapkan oleh Dato` Abdul Razak itu hanya

sebagai kempen pilihanraya atau akan dilaksanakannya?

Soal inilah sekarang yang menjadi satu soal yang mustahak diperhatikan oleh seluruh umat Melayu.

Khasnya kerana adakah pilihan dan keyakinan orang-orang di Pantai Timur itu akan dihukum oleh kerajaan Perikatan kerana menunaikan hasrat mereka, atau adakah itu hanya sebagai kempen sahaja sedang kerajaan Perikatan kelak akan menjalankan tugasnya dengan baik dengan tidak menganaktirikan sesuatu golongan atau puak yang tidak menyokong penuh kepada mereka.

Sekiranya apa yang disebut oleh Dato` Abdul Razak itu dilaksanakan maka kita berpendapat langkah ini adalah kurang bijak dan harus akan merosakkan kedudukan Perikatan sendiri, sebab nanti orang-orang di luar Perikatan akan menunjukkan kepada dunia bahawasanya Perikatan adalah menjalankan paksaan; dan segala kemunduran yang terjadi di dalam daerah-daerah itu adalah bukannya kesalahan daripada orang-orang yang memerintah di sana tetapi adalah kesalahan daripada Perikatan sendiri.

Kesan ini semuanya, menurut pendapat kita, bukannya sahaja hanya akan merosakkan kedudukan Perikatan di kedua-dua negeri itu tetapi akan juga merosakkan perasaan orang-orang di luar daripada daerah itu terutamanya yang di dalamnya banyak orang-orang Melayu. Tuduhan-tuduhan harus akan timbul kelak mengatakan bahawa sememangnya kerajaan Perikatan akan menekan kehidupan orang-orang Melayu dan mengutamakan bangsa lain.

Oleh yang demikian maka perkara ini mustahak benar dikaji oleh kerajaan Perikatan akan baik buruknya kemudian hari kelak terutamanya pula di dalam parlimen Persekutuan Tanah Melayu telah ada 30 orang pembangkang berbanding dengan 2 dalam kerajaan yang lalu sedang orang-orang yang duduk di dalam pihak pembangkang itu diketahui ada di antaranya orang-orang yang pakar yang akan membentangkan keburukan Perikatan, dari satu ke satu masa selama lima tahun memerintah yang akan menjadi satu kesan yang besar kepada umat yang mendengar bangkangan-bangkangan yang didasarkan membawa faedah kepada seluruh umat Melayu – adanya.